

BAB KEEMPAT

ANALISA PERBANDINGAN HAK-HAK WANITA DALAM UNDANG- UNDANG KELUARGA ISLAM DAN ENAKMEN KELUARGA ISLAM KELANTAN 1983.

4.1 Hak-Hak Dalam Pertunangan

4.1.1 Analisa Perbandingan

Pertunangan adalah merupakan langkah pertama sebelum perkahwinan. Sebelum diikat dengan tali pertunangan digalakkan antara lelaki dan perempuan yang akan bertunang itu melihat antara satu sama lain. Keizinan menengok atau melihat bakal tunang bukanlah terbatas kepada lelaki sahaja, malah perempuan juga diizinkan melihat bakal suaminya. Daripada sejarahnya, dilihat Rasulullah s.a.w telah menyuruh sahabat-sahabat yang ingin berkahwin melihat bakal isterinya terlebih dahulu. Oleh kerana keharusan melihat tunang itu tersemat disebaliknya satu hikmah yang tinggi, iaitu mempertemukan titik-titik persamaan dan kesesuaian antara kedua belah pihak, dengan itu adalah diharapkan rumahtangga yang bakal dibina nanti akan kekal dan berlangsung di dalam suasana mesra dan kasih sayang. Melihat kepentingan ini, didapati sebahagian ‘ulama’ berpendapat bahawa melihat tunang itu bukan satu tindakan yang harus malah ia adalah disunatkan jika ia bermaksud untuk sampai ke gerbang perkahwinan.⁽¹⁾

Jumhur ‘ulama’ mengatakan bahawa bahagian anggota yang harus dilihat pada diri seorang perempuan ialah muka dan dua tangan sahaja. Dengan melihat muka dapat dipastikan kecantikannya dan dengan melihat dua tangannya dapat dipastikan kesihatannya.

Sebelum istiadat pinangan dilakukan hendaklah dipastikan dahulu kedudukan perempuan yang ingin dipinang itu bahawa dia bukan isteri orang, bukan muhrim kepada lelaki itu, bukan berada dalam iddah dan bukan tunangan orang.

Satu tanggapan yang salah pada sebahagian masyarakat mengenai pertunangan iaitu mereka beranggapan bahawa pertunangan adalah lesen yang membolehkan kedua pasangan yang bertunang ke sana ke mari tanpa sebarang gangguan. Sesungguhnya amalan ini diharamkan dalam Islam kerana di peringkat ini mereka belum lagi diijabkabulkan sebagai suami isteri. Pergaulan bebas mereka ini ditakuti membawa kepada berlakunya perbuatan yang berdosa.

Satu perkara lagi yang juga menjadi kebiasaan di dalam masyarakat Islam di Malaysia iaitu memberi hadiah kepada tunang semasa upacara pertunangan dilangsungkan. Ada yang memberi hadiah cincin, gelang, sepasang pakaian dan sebagainya yang disebut sebagai tanda pertunangan. Bahkan bagi orang-orang kaya hadiahnya lebih besar lagi seperti kereta, rumah, tiket melancong dan sebagainya. Apa yang ingin dijelaskan di sini bahawa pada dasarnya setiap pemberian itu adalah harus, harus memberi dan

harus menerima. Walau bagaimanapun, sekiranya pemberian itu boleh membawa kepada berlakunya maksiat seperti menggunakan kereta yang dihadiahkan untuk berjalan berduaan ke sana sini maka ia suatu yang tidak dibenarkan dalam Islam.

Mengenai mahr pendahuluan yang diberikan, apabila berlaku pemungkiran pertunangan, maka para fuqaha⁽²⁾ bersepakat, bahawa pihak lelaki berhak menuntut mahr itu dikembalikan semula kepadanya kerana ia merupakan pemberian yang wajib diberi oleh suami kepada isterinya dengan sebab perkahwinan, sedangkan pada ketika pemutusan pertunangan itu, aqad nikah belum lagi terjadi, maka sewajarnya mahr itu dipulangkan kembali.

Mengenai hadiah pertunangan pula, maka ‘ulama’ berbeza pendapat.⁽³⁾ Menurut Madhab Hanafi bahawa hadiah-hadiah yang diberikan itu dipulangkan kepada pihak masing-masing selama mana hadiah-hadiah itu belum rosak, berubah atau digunakan. Menurut Madhab Syafi’i dan Hanbali, kedua-dua pihak yang memutuskan pertunangan itu hendaklah memulangkan semula hadiah masing-masing. Jika telah rosak atau digunakan hendaklah diganti.

Bagi Madhab Maliki pula menyatakan bahawa tanggungjawab memulangkan hadiah dan membayar gantirugi terletak kepada pihak yang memutuskan pertunangan.

Sementara peruntukan dalam Enakmen pula menyebutkan bahawa pihak yang mungkir samada lelaki atau perempuan bertanggungjawab memulangkan pemberian pertunangan dan ia boleh dituntut melalui tindakan mahkamah.

Adalah ternyata peruntukan undang-undang yang ada di Kelantan khususnya dan pandangan ‘ulama’ fiqh khususnya Madhhab Maliki telah melindungi pihak yang teraniaya atau pihak yang tidak memungkiri pertunangan. Terpulanglah kepada mereka untuk mendapatkan hak itu. Kesemua hak-hak itu boleh diperolehi melalui proses tuntutan di Mahkamah Syari’ah .

Itulah satu-satunya peruntukan yang dinyatakan oleh Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 berkaitan pertunangan.

4.2 Hak-hak Dalam Perkahwinan

4.2.1 Analisa Perbandingan

Menyentuh hak-hak wanita dalam perkahwinan iaitu peruntukan undang-undang bagi wali dan wanita, ditinjau dari pandangan fiqh berdasarkan pendapat madhhab-madhhab, maka Madhhab Syafi’i mensyaratkan persetujuan wali bagi pernikahan anak gadisnya tetapi Madhhab Hanafi tidak mengi’tiraf syarat tersebut. Perkara ini dilihat dalam peruntukan Seksyen 13(1) Enakmen Kelantan bahawa wali mujbir tidak boleh mengahwinkan anak atau cucunya tanpa persetujuan orang berkenaan tetapi perkahwinan juga tidak dii’tiraf dan tidak boleh didaftarkan tanpa persetujuan

wali pihak perempuan atau hakim syar'i. Berdasarkan peruntukan ini maka Enakmen telah memberikan hak kepada anak gadis untuk mendapatkan persetujuan terhadap perkahwinannya sendiri. Suatu pengitirafan yang memang sepatutnya diberikan untuk mengelakkan penganiayaan kerana terikat kepada perkahwinan yang tidak disukainya.

Dalam keadaan hari ini, adalah lebih baik jika keizinan pengantin perempuan diperolehi untuk dilangsungkan sesuatu perkahwinan agar perkara-perkara yang tidak diingini dapat dielakkan.

Peruntukan had umur minima berkahwin pada umur lapan belas tahun untuk lelaki dan enam belas tahun untuk perempuan juga merupakan peruntukan yang sepatutnya. Bagi ‘ulama’ fiqh, tiada umur minima ditetapkan untuk lelaki dan perempuan berkahwin. Perkahwinan boleh terjadi sekalipun kedua mereka masih di bawah umur baligh dengan kebenaran walinya. Walaubagaimanapun, menurut Madhab Hanafi anaknya boleh membuat pilihan menolak perkahwinan itu apabila dia mencapai umur baligh. Pada pendapat penulis, Madhab inilah yang dikira telah membela dan memberi perlindungan kepada perempuan lebih-lebih lagi sekiranya perkahwinan yang telah berlangsung itu tidak disukai oleh perempuan tersebut. Dengan adanya had umur minima yang diperuntukkan oleh Enakmen Kelantan maka ia dapat mengelakkan seorang perempuan itu dikahwinkan pada masa kecil iaitu pada masa umurnya belum baligh, kerana pada kebiasaannya umur enam belas tahun telah pun melepassi umur baligh bagi kebanyakan perempuan.

Peruntukan ini dikira munasabah memandangkan kepada beberapa masalah yang boleh diselesaikan melalui penetapan ini, antaranya:

- a. Mereka yang masih kecil belum mampu untuk memikul tanggungjawab seperti menguruskan rumahtangga, melayan suami dan melahirkan anak. Adalah wajar umur bagi pasangan-pasangan yang ingin berkahwin ditetapkan untuk mengelakkan dari berlaku penganiayaan.
- b. Umur yang terlalu muda dan kurangnya pengetahuan mengenai hal-hal perkahwinan adalah antara faktor terjadinya keruntuhan rumahtangga.
- c. Antara hikmat perkahwinan ialah untuk menjamin kesinambungan zuriat manusia di muka bumi ini, tetapi dengan terjadinya perkahwinan pada usia yang masih kecil maka hikmat tersebut tentunya tidak tercapai.

Berdasarkan faktor-faktor di atas maka sememangnya peruntukan menbataskan umur tertentu sebagai layak berkahwin adalah wajar. Jelas bahawa ia boleh menghasilkan satu natijah yang baik.

Mengenai mahr atau mas kahwin, ‘ulama’ fiqh berpendapat bahawa mas kahwin adalah pemberian yang wajib diberikan oleh lelaki kepada pasangannya. Ia hendaklah terdiri daripada barang-barang yang berharga, bermanfaat dan halal menurut syara’. Kadar minima dan maksimanya tidak ditetapkan oleh kebanyakan madhab, ia terserah kepada persetujuan dan perjanjian yang dibuat antara pihak lelaki dan pihak perempuan. Peruntukan

yang dinyatakan dalam Enakmen Kelantan juga adalah selari dengan pendapat ulama' fiqh. Ia berdasarkan persetujuan dan perjanjian yang dibuat.

Begitu juga dengan nafkah; menurut fiqh, suami wajib memberikan nafkah kepada isterinya yang taat seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, peralatan rumah dan sebagainya menurut keadaan di tempat masing-masing dan menurut taraf kehidupan suami dan isteri. Pendapat ini adalah menurut Madhhab Hanafi. Ia lebih patut diterima pakai kerana ia tidak membebankan suami. Kadar minima dan maksimanya juga adalah mengikut keperluan dan adat yang berlaku di tempat masing-masing serta menurut kemampuan suami. Begitulah peruntukan dalam bahagian 5 Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, dijelaskan dengan terperinci tentang kuasa mahkamah memerintahkan nafkah bagi isteri dan natijah nusyuz, pentaksiran nafkah berdasarkan kemampuan dan keperluan suami dan isteri, kuasa mahkamah memerintahkan cagaran diberi bagi nafkah, penyelesaian nafkah yang mana ia tidak boleh berkuatkuasa sehingga telah diluluskan, lamanya tempoh perintah nafkah, hak terhadap nafkah hendaklah terhenti apabila tamat tempoh iddah, kuasa mahkamah untuk mengubah perintah nafkah dan perjanjian-perjanjian nafkah, nafkah tidak boleh dipindah milik dan menuntut tunggakan nafkah. Peruntukan-peruntukan yang dinyatakan itu serta sebutan hukuman ke atas suami yang dengan sengaja tidak mematuhi perintah nafkah pada seksyen 102 adalah telah memberikan perlindungan dan pembelaan kepada isteri sesuai dengan penyerahan dirinya untuk berbakti kepada suami.

Begitulah syari'at Islam dan Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 menjaminkan hak-hak perlindungan dan pembelaan kepada wanita dalam bentuk pemberian material kepada mereka sepanjang tempoh perkahwinan. Walau bagaimanapun, jika diteliti peruntukan dalam Enakmen Kelantan 1983, hak dan perlindungan isteri yang berbentuk bukan material tidak ditekankan. Hanya dinyatakan secara tidak langsung iaitu dengan memperuntukkan di dalam bentuk hukuman.

Beberapa peruntukan mengenai kesalahan suami seperti tidak bergaul dengan baik, menganiayai isteri, melesapkan harta isteri dan tidak memberi keadilan yang sewajarnya kepada isteri, telah dapat memberikan perlindungan kepada isteri untuk menuntut hak mereka apabila berhadapan dengan penyelewengan suami dalam perkara tersebut, tetapi mengenai hak isteri untuk mendapatkan bimbingan dari suami dalam melaksanakan kewajipan agamanya, mendapat pengawalan terhadap kehormatannya dan mendapatkan layanan batin tiada diperuntukkan.

Sejajar dengan keperluan isteri dengan perkara-perkara yang digariskan oleh 'ulama' itu, untuk membentuk dirinya menjadi isteri solehah berbekalkan iman, ilmu dan amal dan menjaminkan hak-hak isteri tidak diselewengkan, maka dikira perlu ditambah dalam Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan sedia ada dengan beberapa peruntukan-peruntukan lagi.

Sesungguhnya kewajipan suami dalam memenuhi tuntutan hak isterinya adalah banyak dan berat. Namun sejauh mana suami memahami

tanggungjawab mereka apabila berkahwin, boleh dipersoalkan. Perumpamaan mendirikan masjid, jelas menerangkan bahawa perkahwinan ibarat ibadat suci yang terkandung pelbagai hikmah kepada manusia.

Pada zaman serba canggih, kefahaman dan kesedaran suami mengenai tanggungjawab mereka boleh dipertikaikan. Suami yang tidak memahami kewajipan, mudah sekali menindas isteri. Ada yang masih terbelenggu dan terbawa-bawa kewajipan tradisional dibentuk adat yang mengutamakan lelaki dan meletakkan wanita dalam keadaan yang menyulitkan.

Jika diselusuri kebanyakan rumahtangga, ramai isteri tertekan dengan keadaan dwitugas. Arus pembangunan memerlukan isteri bekerja untuk menampung ekonomi keluarga. Pengorbanan suami mengenepikan sedikit zon selesa mereka, tentu amat dihargai isteri.

Mengenai perkahwinan janda dan balu, telah ditetapkan oleh syari'at Islam bahawa mereka samada bercerai hidup atau mati tidak boleh berkahwin kecuali setelah melalui satu masa yang dinamakan iddah. Tetapi bagi isteri yang diceraikan oleh suaminya sebelum disetubuh i maka tiada iddah baginya. Masa iddah yang dilalui oleh wanita yang diceraikan ini tidak serupa.

Bagi wanita yang diceraikan dalam keadaan hamil, maka iddahnya sehingga dia melahirkan anak yang dikandungnya itu. Bagi wanita yang bercerai mati iddahnya empat bulan sepuluh hari. Bagi wanita yang bercerai hidup dan masih didatangi haid, iddahnya ialah tiga kali quru'(suci) dan bagi

wanita yang tidak didatangi haid atau yang sudah putus haidnya maka iddahnya tiga bulan.

Peruntukan yang tertentu telah dibuat bagi perkahwinan janda dan balu dalam Enakmen Kelantan 1983. Bagi seorang janda, dia tidak boleh berkahwin dengan mana-mana lelaki sebelum tamat tempoh iddahnya kecuali dengan suaminya yang menceraikannya (cerai talaq raj'i). Permohonan kahwinnya itu hendaklah disertakan dengan surat perakuan cerai yang sah dan telah didaftarkan dan selepas penyiasatan yang wajar oleh mahkamah kadi bahawa dia adalah seorang janda. Bagi seorang janda yang diceraikan dengan talaq bain (tiga kali talaq) dia tidak boleh berkahwin semula dengan suaminya yang terakhir kecuali setelah melalui proses nikah tahlil dan kemudiannya bercerai dari perkahwinan tersebut dan setelah habis iddah dari penceraian itu. Sementara bagi seorang balu, dia juga tidak dibenarkan berkahwin kecuali setelah tamat tempoh iddahnya dan telah mengemukakan surat kematian suaminya atau dengan cara lain membuktikan kematian suaminya.

Begitulah proses perundangan yang dikenakan ke atas perempuan janda dan balu yang ingin berkahwin semula. Mereka tidak boleh mengambil sikap tidak peduli dengan peraturan yang ditetapkan oleh syari'at dan Enakmen Keluarga Islam.

Berhubung poligami pula, ia adalah suatu keharusan yang mampu menyelesaikan beberapa masalah dalam rumahtangga dan masyarakat.

Walaupun begitu ia mempunyai batas-batas yang tertentu untuk mengelakkan berlakunya penyelewengan dalam mengamalkannya.

Antara sekatan-sekatan dalam amalan berpoligami ialah:

1. Bilangan isteri tidak boleh melebihi empat orang.
2. Berlaku adil terhadap isteri-isteri. Sesiapa khuatir tidak dapat berlaku adil, memadailah dia berkahwin dengan seorang isteri sahaja. Adil yang dimaksudkan di sini adalah dalam soal kebendaan seperti tempat tinggal, pakaian, makanan, minuman dan waktu bermalam. Tidak diwajibkan dalam soal kasih sayang tetapi suami diperingatkan supaya tidak terlalu melebihkan kepada salah seorang daripada isteri-isterinya, sehingga membiarkan yang lain.
3. Mampu memberikan nafkah kepada isteri-isterinya dan anak-anaknya.

Enakmen Keluarga Islam Kelantan juga memperuntukkan bahawa tiada seseorang lelaki boleh berkahwin dengan seseorang perempuan dalam masa ia masih mempunyai isteri kecuali selepas mendapat keizinan bertulis dari mahkamah kadi. Kepada sesiapa yang melanggar peruntukan ini maka dia dikenakan denda tiga ratus ringgit atau penjara selama satu bulan atau kedua-duanya sekali.

Dilihat kepada peruntukan yang ada, dirasakan ia tidak menjaminkan wanita mendapat pembelaan. Adalah mudah untuk lelaki melakukannya

kerana tiada syarat-syarat yang ketat untuk dipatuhi. Peruntukan ini perlu diperkemaskan lagi.

Memandangkan ia mudah untuk diamalkan, maka ada lelaki yang mengambil kesempatan darinya semata-mata untuk memenuhi nafsu. Maka tidak hairanlah masih ramai wanita yang tidak yakin dengan kemurniaan amalan ini.

4.3 Hak-Hak Dalam Perceraian

4.3.1 Analisa Perbandingan Jenis-jenis Perceraian.

Talaq dalam Islam adalah penawar yang disyaratkan bagi menyelesaikan dan meghilangkan kesengsaraan suami isteri. Ia bukan hukuman yang zalim, yang memisahkan kasih sayang suami isteri, anak dan ibu, anak dan ayah, tetapi ianya satu usaha ke arah penyelesaian permasalahan yang timbul disebabkan tidak bercerai.

Seorang perempuan mempunyai hak untuk meminta cerai. Proses ini boleh dilakukan melalui perceraian *khul'* dan *fasakh*. Dalam peruntukan undang-undang keluarga Islam di Malaysia, talaq juga boleh dilakukan melalui cerai *Ta'liq*.

Beberapa jenis perceraian telah dinyatakan dalam Enakmen iaitu perceraian dengan talaq atau perintah atau *syiqaq*, perceraian tebus talaq, perceraian *ta'liq*, *fasakh* dan anggapan mati. Meneliti peruntukan dalam

perceraian dengan talaq atau perintah atau *syiqaq* dilihat peruntukan dengan jelas memberi makna bahawa perceraian tidak boleh dibuat tanpa berunding dengan isteri dan persetujuannya sebagaimana disebutkan melalui seksyen 35 subseksyen 2:

"Selepas menerima permohonan itu mahkamah hendaklah menyebabkan satu saman diarahkan kepada pihak yang satu lagi itu bersama dengan satu salinan permohonan itu dan saman itu hendaklah mengarahkan pihak yang satu lagi itu hadir di hadapan mahkamah untuk membolehkannya menyiasat samada pihak yang satu lagi itu bersetuju atau tidak terhadap perceraian itu".

Kenyataan tersebut memberikan gambaran bahawa hak cerai bukan sepenuhnya pada tangan lelaki, pihak mahkamah telah diberi kuasa menyiasat mengenai persetujuan isteri tentang perceraian itu.

Wanita juga mendapat pembelaan dari perbuatan tidak bertanggungjawab suami dengan penguatkuasaan undang-undang keluarga Islam menerusi cerai *ta'liq*. Dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan memperuntukkan bahawa seseorang perempuan yang bersuami boleh, jika berhak mendapat perceraian menurut syarat-syarat *ta'liq* yang dibuat apabila bernikah, memohon kepada mahkamah untuk menetapkan bahawa perceraian yang demikian telah berlaku. Mahkamah hendaklah memeriksa permohonan itu dan membuat satu penyiasatan mengenai sahnya perceraian itu, dan jika berpuashati bahawa perceraian itu adalah sah hendaklah mengesahkan dan merekodkan perceraian itu.

Suatu amalan yang berlaku di Malaysia selepas majlis *aqad* nikah, suami membaca lafaz *ta'liq* yang bersyarat seperti:

(i) Suami tidak boleh meninggalkan isteri selama lebih empat bulan beturut-turut.

(ii) Suami tidak memberi nafkah selama lebih empat bulan.

(iii) Suami tidak boleh menganiaya/menyeksa isteri

Jika terdapat bukti suami melanggar *ta'liq* dan isteri tidak mahu lagi tinggal bersama suaminya, maka isteri bolehlah membuat permohonan cerai cara *ta'liq*.

Sesungguhnya dengan peruntukan dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan dan sesuatu yang harus pada pandangan sesetengah fuqaha,⁽⁴⁾ telah memberi perlindungan kepada wanita apabila dianiaya dan diseksa oleh lelaki tanpa sebarang sebab yang munasabah.

Cara yang lain untuk wanita memohon dibubarkan ikatan perkahwinannya ialah perceraian dengan *khul'* atau tebus talaq. Perbuatan menceraikan isteri menerusi *khul'* bukanlah suatu tindakan yang digalakkan, malah ia dihukum makruh, kecuali jika dilakukan atas sebab-sebab yang diharuskan oleh syara'. Sebahagian 'ulama' berpendapat, *khul'* yang tidak berasas kepada sebab-sebab yang diharuskan oleh syara' dihukum haram.

Menurut Madhhab Hanbali, seorang suami disunatkan melayani tuntutan *khul'* daripada isterinya. Pendapat ini berdasarkan kepada kisah isteri Thabit bin Qais.⁽⁵⁾

Di antara sebab-sebab yang mengharuskannya ialah:

- i. Suami cacat tubuh badannya;
- ii. Buruk akhlaknya;

- iii. Suami atau isteri tidak melaksanakan tanggungjawab masing-masing; dan
- iv. Isteri takut melanggar hukum Allah kerana tidak taat kepada suaminya.⁽⁶⁾

Oleh itu, tindakan seorang isteri yang menebus dirinya daripada suami yang masih menyayanginya akan menyebabkan dia tidak akan mencium bau syurga. Sabda Nabi s.a.w. bermaksud:

“Mana-mana perempuan yang menebus dirinya daripada suaminya tanpa sesuatu kesalahan, maka dia tidak akan mencium bau syurga”.⁽⁷⁾

Pembayaran *khul'* harus dilakukan dengan apa sahaja yang boleh dijadikan maskahwin, samada dijelaskannya secara tunai atau hutang, dibayar sebahagiannya atau kesemua sekali. Jenis dan kadarnya adalah berdasarkan kepada persetujuan antara dua belah pihak.

Menurut Hasan al-Basri, al-Sha'b dan al-Zuhr, adalah tidak harus bagi suami mengambil kadar yang melebihi apa yang diberikan kepada isterinya (maskahwinnya). Pendapat ini adalah bersandarkan kepada sabda Rasulullah s.a.w kepada isteri Abu Zubair yang menuntut supaya dia diceraikan oleh suaminya, maksudnya:

“Adakah kamu bersedia mengembalikan kebun yang diberikannya kepada kamu? Dia menjawab, Ya, saya bersedia,(untuk mengembalikannya) dan bersedia pula untuk menambah atas kadar itu. Lalu baginda bersabda: Adapun kadar yang ditambah, jangan kamu berikan kepadanya, kamu kembalikan sahaja kebunnya. Dia menjawab, Ya”.⁽⁸⁾

Pengertian hadith di atas menunjukkan bahawa isteri tidak wajar membayar kepada suaminya suatu jumlah yang melebihi kadar maskahwinnya dan suami pula tidak digalakkan meminta kadar yang berlebihan.⁽⁹⁾

Akibat perceraian yang berlaku menerusi *khul'*, isteri menjadi seorang yang bebas dari kekuasaan dan tanggungjawab suaminya. Dia berhak menentukan nasibnya sendiri tanpa terikat dengan sesiapa dan suaminya tidak diharuskan *meruju*'nya sekalipun di dalam masa *iddahnya* kerana apabila dia menebuskan dirinya daripada kekuasaan suaminya maka tebusannya itu telah menyebabkan perceraian tersebut menjadi talaq *bain*.

Berdasarkan pandangan di atas, maka seorang suami tidak harus *meruju*' isterinya biarpun dalam masa *iddahnya* kerana kedudukan *khul'* adalah setaraf dengan talaq *bain*. Dia hanya boleh kembali kepada bekas isterinya itu menerusi *agad* perkahwinan yang baru dan dengan persetujuannya, samada semasa *iddah* atau selepasnya.

Diantara hak wanita yang menjalani *iddah khul'* ialah tempat tinggal untuk didiaminya ketika menjalani masa *iddahnya*. Kedudukannya sama seperti wanita yang menjalani *iddah* talaq *bain*. Mereka sama-sama tidak berhak mendapat nafkah kerana hubungan mereka telah terputus dengan sebab berlakunya talaq *bain* kecuali jika mereka hamil ketika menjalani *iddah* itu.

Peruntukan di dalam Enakmen menyebutkan bahawa perceraian ini boleh berlaku jika isteri menawarkan bayaran tertentu kepada suami dan

suami bersetuju dengan bayaran itu, mahkamah akan memerintahkan suami melafazkan cerai berdasarkan tebus talaq. Perceraian itu adalah *bain sughra* atau tak boleh *diruju*'.

Peruntukan di atas menjelaskan bahawa kadar pemberian isteri sebagai penebus talaqnya adalah berdasarkan persetujuan antara mereka berdua dan talaq itu menjadi talaq *bain* yang tak boleh *diruju*'. Peruntukan ini mengambil kira pendapat jumhur 'ulama'.

Jika jumlah bayaran tebus talaq tidak dipersetujui antara mereka, maka taksirannya akan diputuskan oleh mahkamah mengikut taraf dan kemampuan pihak-pihak itu. Dan ketika suami tidak bersetuju bercerai dengan tebus talaq atau suami tidak hadir di mahkamah seperti diarahkan atau mahkamah berpendapat ada kemungkinan boleh berdamai maka suatu jawatankuasa pendamai akan dibentuk untuk tujuan mendamaikan pasangan tersebut.

Peruntukan di atas telah mengambil kira pendapat Imam Syafi'i bahawa persetujuan suami dalam perkara tersebut adalah suatu perkara yang penting.

Jenis perceraian seterusnya adalah melalui *fasakh*. Seseorang isteri boleh memohon kepada Mahkamah Syariah supaya perkahwinannya dibubarkan iaitu *dijasakhkan* jika isteri mempunyai alasan tertentu. Alasan-alasan itu ialah jika:

- (I) Suami mati pucuk atau tidak dapat memberi nafkah batin melebihi setahun.
- (II) Suami gila melebihi setahun atau berpenyakit kelamin.
- (III) Perkahwinan tidak sekufu.
- (IV) Suami menganiaya isteri/memaksa isteri hidup secara lucah/suami tidak berlaku adil/suami menghalang isteri melakukan suruhan agama.
- (V) Perkara lain yang dibenarkan oleh undang-undang Islam.

Fasakh diterima sebagai salah satu cara untuk membubarkan perkahwinan berdasarkan kepada prinsip yang terkandung dalam hadith Nabi s.a.w yang bermaksud:

“Tidak ada kemudarat dan tidak dimudaratkan”.

Perceraian ini memerlukan campurtangan hakim atas sebab-sebab yang biasanya diajukan oleh seseorang isteri. *Fasakh* berbeza dengan talaq di mana *fasakh* boleh kembali kepada isteri dan suami yang sama untuk sekian kalinya dengan membuat akad dan maskahwin yang baru. Bagaimanapun *fasakh* yang jatuh dalam kategori selama-lamanya seperti *fasakh* perkahwinan adik-beradik kandung atau sesusan tidak boleh kembali semula dan ia tidak perlu kepada campurtangan hakim.

Di dalam perundangan Islam, perkara-perkara yang mengharuskan *fasakh* adalah berbeza antara satu madhhab dengan madhhab yang lain. Menurut Hanafi, *fasakh* boleh berlaku hanya apabila suami yang dikahwininya itu mengalami kecacatan dan keaiban. Sementara Madhhab

Syafi'i dan Maliki tidak menerima *fasakh* kerana *khiyar al-bulugh* iaitu mohon *fasakh* perkahwinannya apabila sampai umur baligh. Alasan ketidakmampuan seorang suami untuk membayar nafkah, hilang atau dipenjarakan juga diterima oleh Maliki, Syafi'i dan Hanbali sebagai tuntutan *fasakh*. Tambahan alasan bagi Madhab Maliki dan Hanbali ialah apabila berlaku kemudharatan dalam rumah tangga iaitu kemudharatan kepada agama, diri, keturunan, harta dan akal.⁽¹⁰⁾

Ini bermakna apabila berlaku penderaan dan penganiayaan kepada isteri, maka isteri ada hak menuntut perceraian melalui *fasakh*. Dengan adanya peruntukan dari prinsip Madhab Maliki ini maka masalah penderaan yang berlaku dalam masyarakat hari ini dapat diselesaikan. Walau bagaimanapun oleh kerana proses *fasakh* di Mahkamah mengambil masa, maka kes-kes yang melibatkan tuntutan *fasakh* tidak banyak dikemukakan. Dikatakan juga bahawa kejadian mengenai hak sebagai seorang wanita adalah juga sebab ramai wanita ditindas, ditipu, ditinggalkan dan digantung tidak bertali oleh suami. Jadi manakah satu sebab sebenarnya maka kes-kes penderaan dan penganiayaan terhadap wanita tidak mendapat pembelaan? Atau di sana ada lagi sebab-sebab yang lain maka penganiayaan terhadap wanita terus berlaku, yang kadang-kadang amat mengerikan.

4.3.2 Analisa Perbandingan Hak-hak Wanita Selepas Perceraian.

Apabila berlaku perceraian, seorang wanita yang diceraikan itu berhak menuntut beberapa hak yang telah ditetapkan oleh Islam.

Bagi wanita yang berstatus janda iaitu yang bercerai hidup, ia berhak terhadap mahr yang belum dijelaskan dan hutang-hutang lain yang tertunggak, hak nafkah iddah dan tempat tinggal, hak mut'ah dan hak nafkah anak.

Mahr adalah hak yang wajib ditunaikan oleh suami. Sekiranya pemberian ini belum dijelaskan sepenuhnya oleh suami sehingga kepada masa perceraian berlaku, maka hak itu tidak akan terjejas. Bagi wanita yang diceraikan yang belum disetubuhi, sekiranya ia belum menerima mahr maka ia hanya berhak menuntut separuh daripada jumlah mahr itu.

Wanita yang diceraikan juga boleh menuntut hutang-hutang tertunggak jika dapat dibuktikan.

Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 juga memperakukan hak-hak yang mungkin ada pada wanita yang diceraikan terhadap mas kahwinnya atau apa-apa pemberian kepadanya atau apa-apa bahagian daripadanya.

Selain mahr yang belum dijelaskan, wanita yang diceraikan berhak mendapatkan nafkah *iddah* dan tempat tinggal. Menurut syari'at Islam, wanita yang dalam *iddah* kerana talaq *raj'i* berhak mendapat nafkah dan tempat tinggal berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

“*Sesungguhnya nafkah dan tempat tinggal (berhak dituntut oleh isteri daripada suaminya) apabila suaminya itu masih berhak ruju' kepadanya*”.⁽¹¹⁾

Wanita yang dalam iddah mengandung samada kerana talaq *bain* atau talaq *raj'i* juga berhak mendapat nafkah sehingga melahirkan anak dan hendaklah tinggal dirumah suaminya.

Bagi wanita yang sedang dalam *iddah al-battah* dan tidak hamil, para ‘ulama’ berbeza pendapat. Menurut Hanafi, al-mabtutah berhak mendapat tempat tinggal dan nafkah. Menurut Syafi’i dan Maliki, mereka berhak mendapat tempat tinggal sahaja tanpa nafkah, dan menurut Hanbali, mereka tidak berhak mendapat tempat tinggal dan nafkah.

Meneliti peruntukan kuasa mahkamah memerintah nafkah bagi bekas isteri dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, iaitu “dalam tempoh *iddah* apabila membenarkan atau membuat atau selepas membenarkan lafaz talaq selepas membuat suatu perintah penceraian”, adalah jelas bahawa kenyataan itu tidak menentukan mana-mana jenis *iddah*. Di atas rasa simpati untuk membela wanita yang diceraikan maka pada perkiraan penulis peruntukan Enakmen tersebut adalah selari dengan pendapat Madhhab Hanafi yang memperuntukkan nafkah dan tempat tinggal bukan sahaja kepada wanita yang ber*iddah* dari talaq *raj'i* tetapi juga kepada yang ber*iddah* dari talaq *al-battah*.

Hak wanita yang diceraikan mendapatkan nafkah *iddah* dan tempat tinggal berjalan sepanjang tempoh *iddahnya* kecuali apabila berlaku *nusyuz* seperti balik ke rumah ibu bapanya. Perkara ini bagi sebahagian wanita tidak diambil perhatian, sedangkan ia boleh menjelaskan haknya dan hendaklah

sentiasa menjaga kehormatan dirinya dari dicerobohi oleh mana-mana lelaki sekalipun suaminya yang menceraikannya kecuali setelah sah bahawa suami telah meruju'nya. Bagi isteri dan suami yang bercerai apabila melanggar ketetapan yang diperuntukkan samada oleh Hukum Fiqh atau Enakmen Keluarga Islam adalah dikira bersalah yang akan dikenakan hukuman.

Berhubung dengan pencerobohan suami terhadap isterinya yang diceraikan, Enakmen 1983 telah memperuntukkan,⁽¹²⁾

"Seseorang suami yang setelah menceraikan isterinya dengan sah, bersekedudukan semula dengan isterinya tanpa terlebih dahulu melafazkan ruju' yang sah mengikut hukum syara' adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila dithabitkan, dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada empat bulan atau keduanya sekali".

Begitu juga kepada isteri yang diceraikan apabila mengetahui bahawa dia telah dengan sahnya diceraikan bersyubhat melakukan persetubuhan dengan bekas suaminya akan juga dikenakan penalti.⁽¹³⁾

Hukuman penalti yang lebih berat pula akan dikenakan kepada suami yang setelah menceraikan isterinya dengan sah bersekedudukan semula dengan isterinya semula tanpa memberitahu isterinya tentang perceraian yang berlaku.⁽¹⁴⁾

Peruntukan di atas dikira telah dapat memberikan perlindungan kepada wanita di mana suami tidak boleh melakukan sehendak hatinya. Sememangnya ia adalah suatu pencerobohan yang dilarang. Inilah yang diperkatakan oleh Madhab Syafi'i; bahawa persetubuhan di dalam masa

iddah raj'i merupakan suatu kesalahan, biarpun pelakunya tidak dikenakan had zina, tetapi dia tetap akan dikenakan hukuman ta'zir jika dia mengetahui tentang pengharaman serta berkeyakinan dengan larangan itu.

Bagi isteri yang menjalani *iddah* wafat pula menurut pandangan 'ulama', mereka boleh keluar pada siang hari untuk melaksanakan sesuatu urusan seperti membeli makanan dan harus keluar ke rumah jiran-jiran mereka pada malam hari untuk berbual-bual misalnya dan mereka disyaratkan pulang ke rumah masing-masing selepas itu. Tetapi apa yang berlaku pada sebahagian wanita yang menjalani *iddah* kematian suami, takut untuk keluar daripada rumahnya walaupun sekadar beberapa waktu untuk keluar membeli barang-barang keperluan sehingga untuk menjemur kain pun tidak berani. Di atas dasar apakah mereka berbuat demikian ?

Hak seterusnya yang boleh dituntut oleh seorang janda adalah *mut'ah*. Di dalam peruntukan Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 *mut'ah* diertikan sebagai bayaran saguhati yang diberi kepada isteri yang diceraikan.⁽¹⁵⁾

Diperuntukkan bahawa seorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon *mut'ah* atau pemberian saguhati kepada Mahkamah dan Mahkamah boleh selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuashati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syara'.⁽¹⁶⁾

Jika diteliti tafsiran *mut'ah* di atas dapatlah dijelaskan bahawa *mut'ah* ialah pemberian atau bayaran saguhati yang wajib diberi oleh suami kepada isteri yang diceraikannya. Dalam kes *Nor Bee lwn Ahmad Shamusi*⁽¹⁷⁾, Kadi Besar Dato' Haji Harussani Haji Zakaria memberikan ulasan bahawa *mut'ah* adalah pemberian yang diwajibkan oleh syara' kerana perceraian yang bukan dari sebab isteri dan dalam kes *Jaliah Bte Hassan lwn Abu Bakar Bin Wan Abdullah*⁽¹⁸⁾ Hakim Haji Mutualib bin Haji Mohamed Ali mengulas bahawa menurut pandangan Islam pemberian *mut'ah* yang berupa saguhati dari pihak suami adalah satu perkara yang baik dan patut dilaksanakan kerana dengan adanya *mut'ah* itu sekurang-kurangnya dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh seorang perempuan yang akan memulakan penghidupan yang baru setelah diceraikan.

Namun begitu, peruntukan ini tidak memperincikan kategori wanita yang berhak mendapat *mut'ah*. Walau bagaimanapun, dari beberapa penghakiman yang dijalankan di mahkamah-mahkamah jelas keputusan-keputusan tersebut mengambilkira pandangan al-Imam al-Syafi'i dalam menentukan kategori wanita yang berhak menerima *mut'ah* dan yang tidak berhak menerimanya. Berikut disenaraikan beberapa kes yang menerangkan perkara tersebut.

- a. Dinyatakan bahawa isteri yang berhak mendapat *mut'ah* apabila diceraikan tanpa sebab yang patut. Ini bermakna *mut'ah* hanya diwajibkan oleh syara' kerana perceraian yang bukan dari sebab isteri. Ia juga bermakna, jika isteri dithabitkan nusyuz dia juga tidak berhak

menerima *mut'ah* daripada suaminya. Dalam kes *Jaliah bte Hassan lwn Abu Bakar bin Wan Abdullah*⁽¹⁹⁾ Mahkamah Kadi Besar Pahang memutuskan pihak plaintif, Jaliah berhak mendapat bayaran *mut'ah* kerana pihak yang menentang tidak berjaya membuktikan bahawa bekas isterinya telah berlaku nusyuz sebelum perceraian. Hakim juga berhujah berpandukan kitab *Kifayat al-Akhyar Juz.2, halaman 42* yang bermaksud “dan tiap-tiap perceraian yang diminta darinya(isteri) atau sebab-sebab darinya maka tiada boleh mendapat *mut'ah*” dan ternyata dalam kes ini mahkamah mendapati perceraian bukanlah disebabkan oleh isteri. Dan dalam kes *Maimunah bt Inalhage lwn Abdullah bin Hussin*⁽²⁰⁾ dinyatakan bahawa perempuan yang telah disetubuh apabila diceraikan oleh suaminya maka wajib ia mendapat *mut'ah* tetapi sekiranya penceraian itu disebabkan oleh pihak perempuan maka *mut'ah* menjadi tidak wajib kerana *mut'ah* itu adalah untuk meringankan beban tanggungan isteri setelah penceraian untuk melegakan hidupnya serta menampung keperluannya akibat dari perceraian ini kiranya ia tidak suka bercerai dan tidak mahu menanggung akibat penceraian. Dan dalam kes ini didapati isteri yang menimbulkan masalah cerai sedangkan suami tidak mahu bercerai dan isteri gagal untuk membuktikan bahawa suaminya tidak bertanggungjawab sebaliknya ia telah meyakinkan mahkamah bahawa ia(isteri) yang tidak bertanggungjawab kerana telah keluar meninggalkan rumah, suami dan anak selama dua minggu sedangkan suami tidak pernah menghalaunya.

- b. Dalam keadaan yang lain, isteri juga berhak mendapat *mut'ah* jika dia menebus talaq(*khul'*) dari suami. Dalam kes *Noor Bee lwn Ahmad Shanusi*⁽²¹⁾ Hakim Dato' Haji Harussani Zakaria menyatakan *mut'ah* bukan diwajibkan kerana kehilangan kasih sayang sahaja, kerana itu *mut'ah* juga diwajibkan dalam keadaan di mana isteri menebus talaq dari suaminya. Dalam kitab *Kifayat al-Akhyar*, juz 2, halaman 42 dalam bab *mut'ah* nasnya yang bermaksud: "Dan *khul'* juga seperti talaq atas pendapat yang sahih".
- c. Isteri juga berhak mendapat *mut'ah* iaitu yang diceraikan sebelum persetubuhan dan belum ditentukan mahr dan yang diceraikan selepas persetubuhan meskipun telah mendapat mahr tetapi penceraian itu bukan disebabkan olehnya, sebagaimana di dalam kes *Normaidiah lwn Azhari*⁽²²⁾, Kadi Besar Pulau Pinang Haji Harussani bin Haji Zakaria berkata, "Ulama' fiqh Madhab Syafi'i menetapkan *mut'ah* itu wajib diberi kepada isteri-isteri yang diceraikan baik yang sebelum persetubuhan, yang tidak menerima setengah mahr ataupun isteri yang telah disetubuh sarnada talaq raj'i atau talaq bain seperti yang terdapat dalam kitab *Qalyubi wa Umairah*, juz 3, halaman 290 "bagi isteri yang diceraikan sebelum disetubuh, maka dia mendapat *mut'ah* sekiranya ia tidak mendapat mahr dan begitu juga bagi yang diceraikan setelah disetubuh, penceraian yang bukan berpunca darinya.
- d. Setiap pembubaran perkahwinan yang disebabkan oleh orang luar(bukan suami isteri) seperti dalam hal bapa si suami atau anaknya menyetubuh isteri secara syubahat dianggap sama seperti talaq dan suami juga wajib membayar *mut'ah*. Begitu juga dalam kes *li'ān*

(saling bertuduhan zina) isteri juga berhak mendapat *mut'ah*. Dalam kes *Piah Binti Said lwn Che Lah bin Awang*⁽²³⁾, kadi Besar Pulau Pinang, Haji Harussani bin Haji Zakaria telah berkata, “*Mut'ah* adalah nama bagi harta yang dibayar atau diberikan oleh seorang lelaki kepada isteri disebabkan oleh perpisahan dengan perempuan itu. Dan setiap perpisahan daripada atau dari orang luar sama hukumnya dengan talaq seperti saling bertuduhan berzina atau bapa kepada si suami atau anaknya menyebuhui isteri secara syubhat dan sebagainya.

Pemberian *Mut'ah* boleh gugur oleh sebab-sebab berikut:

- a. Pembubaran perkahwinan dari pihak isteri seperti isteri memfasakhkan nikah kerana ketidakmampuan suami memberi nafkah zahir.
- b. Pembubaran perkahwinan dengan sebab-sebab yang ada pada isteri seperti *difasakh* oleh suami kerana keaiban yang ada pada isteri atau isteri murtad.
- c. Perpisahan kerana kematian.
- d. Isteri nusyuz.

Seperti yang dinyatakan di atas bahawa peruntukan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia dan begitu juga EKIK 1983 mengambilkira pandangan al-Imam al-Syafi'i dalam menentukan kategori wanita yang berhak menerima *mut'ah*. Namun dalam hal ini adalah wajar melihat pandangan yang dikemukakan oleh Ibn Hazm al-Zahiri secara positif dalam hal pemberian *mut'ah* jika isteri memohon *fasakh*. Ini adalah kerana apabila isteri memohon *fasakh*, dan *fasakh* tersebut adalah disebabkan dari suami sedangkan isteri

berkemungkinan tidak menghendaki sedemikian kerana keaiban suami atau kecuaian kerana tidak memberi nafkah, maka adalah wajar isteri tersebut mendapat *mut'ah*. Keadaan seperti ini menyusahkan isteri untuk terus berada dalam ikatan perkahwinan dan jalan keluar ialah memohon *fasakh*, dan sudah tentu perceraian ini akan menyusahkannya. Jika perceraian *khul'*, yang berlaku atas kehendak isteri dia masih berhak mendapat *mut'ah*, tidak ada salahnya memberikan *mut'ah* kepada isteri yang memohon *fasakh* atas sebab-sebab yang ada pada suami.

Mengenai kadar *mut'ah*, tidak ada satu nas yang jelas menerangkan tentang kadar maksima atau minima *mut'ah*. Namun begitu terdapat ayat-ayat al-Quran secara umumnya menjelaskan tentang kadar tersebut. Firman Allah bermaksud:

"Berikanlah mut'ah/pemberian saguhati kepada wanita-wanita yang kamu ceraikannya, iaitu suami yang senang hendaklah memberikan menurut kemampuannya dan suami yang susah pula menurut kemampuannya".⁽²⁴⁾

Meneliti nas-nas al-Quran dan pandangan para Fuqaha' seperti yang dinyatakan dalam bab kedua serta peruntukan Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 dan Undang-undang Keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia dan juga amalan dalam pemutusan kes-kes *mut'ah*, dapatlah disimpulkan bahawa jumlah *mut'ah* yang ideal ialah jumlah yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Namun andainya persetujuan dan persefahaman tidak tercapai, hakim atau mahkamah boleh menentukannya dengan mengambil kira faktor-faktor berikut:

- a. Kemampuan suami (susah dan senang)

- b. Kedudukan keluarga atau keturunan isteri.
- c. Sifat iaitu perwatakan serta keadaan isteri.⁽²⁵⁾
- d. Mahkamah berpuashati bahawa kadar tersebut adalah wajar dan munasabah mengikut hukum Syara'

Mut'ah adalah satu anugerah Allah terhadap wanita yang diceraikan. Ia merupakan satu bentuk kewajipan yang tidak akan gugur dari tanggungjawab suami kecuali isteri melupuskan hak tersebut. Isteri-isteri yang diceraikan mengikut kategori yang disebutkan di atas perlu menyedari bahawa mereka mempunyai hak untuk menuntut *mut'ah* selain dari nafkah iddah, tidak kira apa keadaan suami pun samada berkemampuan atau tidak kerana kadar itu akan ditentukan samada dengan persetujuan suami isteri atau jika berlaku pertelingkahan ia akan ditentukan mengikut budibicara Hakim. Suatu hal yang amat malang bagi sesetengah wanita ialah mereka tidak mengetahui bahawa mereka mempunyai hak dari sudut undang-undang bagi memperolehi *mut'ah*. Sesetengah mereka mengabaikan hak tersebut hanya semata-mata kerana jahil tentang hak tersebut atau merasa tidak perlu menuntut hak tersebut kerana mereka sudah diberikan nafkah 'iddah dan hak penjagaan anak. Dan sikap tidak ambil berat ini memberi peluang kepada para suami untuk mengabaikan tanggungjawab tersebut samada mereka tahu mengenainya atau tidak.

Hak yang boleh dituntut oleh isteri yang diceraikan juga ialah nafkah anak. Peruntukan yang dibuat oleh undang-undang keluarga Islam di Malaysia termasuk EKIK 1983 semata-mata menjaga kebajikan anak sebagaimana yang dikehendaki di dalam ajaran Islam. Di antara peruntukan paling penting yang

diperuntukkan ialah kewajipan bapa menanggung nafkah anaknya, kuasa-kuasa Mahkamah Syari'ah mengeluarkan perintah yang berkaitan dengan nafkah meliputi cagaran bagi kesemua atau sebahagiannya dengan meletak hak apa-apa harta kepada pemegang amanah yang pendapatan daripadanya dibayar sebagai nafkah, mengubah perintah nafkah seseorang anak atau apa-apa perjanjian yang berkaitan dengannya, tuntutan tentang tunggakan nafkah dan sebagainya.

'Ulama' bersepakat menyatakan bahawa bapa adalah orang yang bertanggungjawab memberikan nafkah kepada anaknya. Begitu juga peruntukan dalam Enakmen memberi kuasa kepada mahkamah sehingga boleh memerintahkan apa-apa aset yang dimiliki oleh orang yang diperintahkan itu dijadikan sebagai cagaran bagi tujuan nafkah. Kemungkinan pihak-pihak yang bertanggungan mematuhi perintah ini boleh dikenakan hukuman sebagai suatu penghinaan terhadap mahkamah.

Undang-undang yang dikuatkuasakan ini bukanlah memberi gambaran bahawa hanya setelah perintah dikeluarkan oleh mahkamah, maka kewajipan bagi bapa atau seseorang yang bertanggungan di sisi hukum syara' itu bermula. Tetapi, sebenarnya ajaran Islam awal-awal lagi menanggungkan kewajipan itu ke atas bapa atau jika bapa itu tidak berkeupayaan menurut hukum syara' menyara anak-anak, maka ia berpindah kepada kaum kerabat atau waris terdekat atau seumpamanya. Pelaksanaan tanggungjawab oleh orang yang diamanahkan ini akan dapat menjamin kepentingan dan kebajikan

kanak-kanak sekaligus ibu kepada kanak-kanak itu yang mendidik dan mengasuh kanak-kanak tersebut.

Bagi seorang isteri yang kematian suami pula, ia berhak mewarisi harta suami. Ia adalah hak bersama dengan ahli waris yang lain. Masalah yang timbul mengenai hak pewarisan ini ialah apabila berlaku perceraian dengan talaq bain dijatuhkan oleh suami yang sedang sakit tenat. Perceraian ini disebut “Perceraian Helah”. ‘Ulama’ tidak sepandapat mengenainya. Penulis berkecenderungan untuk bersetuju dengan pendapat yang memberikan hak warisan kepada wanita yang diceraikan dalam keadaan sedemikian kerana ia lebih menjaga kepentingan wanita yang diceraikan itu. Peruntukan mengenai pusaka ini tidak disebutkan dalam Enakmen.

Hak bersama yang diperuntukkan kepada bahu dan janda pula ialah hak terhadap harta sepencarian dan hak *hadâna*

Harta sepencarian adalah harta, samada harta alih atau tak alihnya yang diperolehi bersama oleh sepasang suami isteri, sewaktu kewujudan perkahwinan mereka, hasil daripada sumber atau usaha mereka. Harta yang diperolehi sebelum perkahwinan atau melalui pembahagian harta pusaka, tidak dikira sebagai harta sepencarian, pemilik berhak ke atas harta itu. Bagaimanapun, sekiranya harta itu diusahakan bersama sewaktu perkahwinan dan hasilnya meningkatkan nilai harta itu, pihak yang satu lagi boleh menuntut upah sekiranya terjadi kematian atau perceraian. Jika isteri menolong

menguruskan tanah, dia berhak kepada separuh daripada harta itu. Dalam keadaan lain, dia berhak kepada satu pertiga sahaja.

Harta sepencarian dibahagikan oleh mahkamah berdasarkan kadar sumbangan kedua-dua pihak, samada dari segi kewangan ataupun daya usaha atau tenaga, dalam memperolehi harta itu sepanjang perkahwinan. Pembabitan isteri dalam pekerjaan suami walaupun dalam bentuk tidak langsung boleh diambil kira.

Apabila menjalankan kuasa, mahkamah hendaklah mengambil perhatian tiga perkara iaitu:

1. Takat sumbangan yang dibuat oleh tiap-tiap satu pihak, dalam bentuk wang, harta atau kerja-kerja bagi memperolehi aset itu
2. Apa-apa hutang oleh salah satu pihak yang dilakukan bagi manfaat atau kebaikan mereka bersama.
3. Keperluan anak-anak yang belum dewasa daripada perkahwinan itu, jika ada.

Tertakluk kepada tiga pertimbangan itu, mahkamah hendaklah membuat pembahagian yang sama banyak.

Meneliti peruntukan di atas, dari segi konsep dan pemakaian sesetengah peruntukan yang berkaitan dengan pembahagian harta ini adalah tidak begitu jelas dan tidak praktikal. Ini kerana pada dasarnya peruntukan ini hanya sesuai bagi perkahwinan orang bukan Islam yang tidak menentukan pembelaan yang istimewa terhadap anak-anak, berbanding dengan kedudukan

anak-anak di dalam perkahwinan orang-orang Islam dari perspektif hukum syara'. Sebagai contoh, Mahkamah dalam menentukan bahagian yang patut dibahagikan kepada pihak-pihak yang bertikai hendaklah mengambil kira keperluan anak-anak yang belum dewasa (jika ada) dari perkahwinan itu, sedangkan dalam peruntukan lain, anak-anak memang sudah diperuntukkan menjadi kewajipan utama bekas suami (bapa) sama ada sebelum atau selepas berlaku perceraian. Malahan, harta sepencarian yang dithabitkan kepada satu pihak atau kedua-dua pihak itu merupakan hak mereka masing-masing. Maka terpulanglah kepada pihak-pihak itu memberi habuan kepada anak-anak mereka atas dasar ihsan atau pemberian (hibah). Malah, jika kedua atau salah satu pasangan meninggal dunia, harta milik masing-masing (jika ada) tetap akan menjadi harta pusaka kepada anak-anak. Tegasnya, kewajipan pihak suami memberi nafkah terhadap anak tidak akan luput atau terjejas meskipun samada harta-harta yang di perolehi atau tidak dalam tempoh perkahwinan.

Satu lagi kritikan tentang harta sepencarian ialah mengenai istilahnya, ia pernah ditafsirkan sebagai harta syarikat seperti yang telah dibincangkan di dalam sistem muamalah Islam. Malah pelbagai analogi dibuat dengan menumpukan dasar pertimbangan kepada samada harta syarikat atau upah. Pelbagai aliran pendapat fiqh (madhhab) yang berkaitan dengan syarikat cuba diketengahkan. Tetapi, justifikasi dibuat tidaklah begitu tepat kerana yang nyata harta sepencarian tidak boleh dikaitkan dengan konsep persyarikatan atau perupahan di dalam sistem muamalah Islam. Ini kerana konsep pembahagian harta sepencarian hanya boleh berlaku dengan adanya pernikahan dan perolehan harta dalam tempoh tersebut. Oleh itu, apa-apa harta

yang diperoleh dalam tempoh perkahwinan sahaja yang dianggap sebagai harta sepencarian malah pertikaian tentang harta perkahwinan tidak dibincangkan oleh 'ulama' fiqh di dalam bab-bab muamalat.

Tuntutan harta sepencarian amatlah penting demi memelihara hak isteri kepada harta yang dikumpulkan bersama suami sewaktu perkahwinan. Ditakdirkan jika seorang lelaki meninggal dunia dan meninggalkan seorang isteri dan beberapa orang anak perempuan sahaja, tiada siapa dalam keluarga itu yang mendapat baki pembahagian menurut hukum faraid, kerana tiada anak lelaki atau bapa. Dalam kes ini, isteri mendapat 1/8 bahagian dan anak-anak perempuan mendapat 2/3 bahagian. Bakinya, iaitu 5/24 bahagian akan dibahagikan kepada adik-beradik suami. Kes seperti inilah yang selalunya menimbulkan perebutan harta, dan perbalahan keluarga.

Satu cara untuk mengurangkan masalah ini ialah suami menyatakan hal harta sepencarian dalam wasiatnya dengan memperakukan bahawa harta sepencarian isterinya adalah separuh daripada segala hartanya. Cara ini boleh menjimatkan masa dan belanja untuk isteri daripada membuat permohonan di mahkamah bagi menentukan harta sepencarian. Perkiraan harta sepencarian adalah semata-mata antara suami dan isteri sahaja. Mahkamah akan menceleh apabila ada perbalahan antara mereka.

Dalam kes suami ingin berkahwin lagi atas sebab yang dipersetujui oleh isterinya. Adakah isteri pertama akan berkongsi segala harta yang berpenat lelah dikumpul bersama suaminya selama 10 atau 15 tahun, dengan

isteri kedua suaminya? Undang-undang tidak zalim tetapi kejahilan mengenai hak seorang isteri akan menimbulkan banyak masalah baginya pada masa akan datang jika tidak mengambil langkah mempertahankan haknya lebih awal. Ditakdirkan selepas dua tahun perkahwinan dengan isteri kedua, suami meninggal dunia. Segala harta akan menjadi pusaka suami yang mesti dimohon di mahkamah untuk pembahagian. Tuntutan harta sepencarian akan menjadi rumit kerana suami mengendalikan perusahaan dengan dua orang isteri. Oleh kerana harta itu diusahakan oleh ketiga-tiga pihak, pada anggapannya harta sepencarian dibahagi sama rata antara kedua-dua isteri.

Bagi mengelakkan keadaan seperti itu, isteri berkenaan haruslah mengambil langkah memperkuatkan kedudukannya. Misalnya, sebelum memberi keizinan kepada suaminya dia boleh membuat persetujuan bersama bahawa harta yang dikumpul selama 10 hingga 15 tahun lalu adalah hak mereka berdua. Suami akan menentukan harta yang akan datang untuk isteri keduanya. Atau isteri meminta mengalihkan harta tertentu kepada namanya untuk mengelakkan kerumitan pada masa akan datang.

Tuntutan seterusnya bagi wanita yang diceraikan ialah *hadānah*. Tidak dapat dinafikan bahawa penjaga yang paling baik ialah ibu bapa kepada anak-anak itu yang masih di dalam pertalian perkahwinan. Tetapi timbul persoalan siapakah yang paling layak untuk menjaga anak-anak itu samada ibu atau ayah apabila berlaku perceraian di antara keduanya.

Jumhur 'ulama' bersepakat bahawa kaum wanita adalah lebih berhak untuk menjaga anak-anak tersebut dan yang lebih jelas ialah ibunya sendiri.⁽²⁶⁾ Hak menjaga ini diutamakan kepada ibu kerana ibu lebih mampu untuk mengurus anak kecil dan memeliharanya di mana seorang ibu itu lebih lemah lembut, lebih sayang dan lebih sabar, lebih tekun dan lebih banyak waktunya berbanding dengan seorang ayah.

Sudah menjadi satu fitrah bahawa kasih sayang ibu terhadap anaknya tidak dapat dipisahkan kerana jalinan kasih antara anak dan ibu telah wujud sejak dari dalam kandungan lagi. Berdasarkan kepada dalil-dalil di atas, 'ulama' fiqh telah menekankan bahawa kaum wanita adalah lebih berhak menjaga anak-anak. Keluarga sebelah ibu lebih diutamakan dari keluarga sebelah bapa. Olch itu, sekiranya ibu hilang kelayakan untuk berbuat demikian di atas sebab-sebab tertentu seperti berkahwin lain, meninggal dunia atau seumpamanya maka hak al-*hadānah* ini akan berpindah kepada penjaga yang lain yang juga dari kalangan wanita.

Mengenai hak menjaga diutamakan kepada ibu dan susunan penjaga bagi kanak-kanak ada diperuntukkan di dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983(EKIK).⁽²⁷⁾

- (1) *Tertakluk kepada seksyen 71, ibu adalah paling berhak dari segala orang bagi menjaga anak kecilnya dalam masa ibu itu masih dalam perkahwinan dan juga selepas perkahwinannya dibubarkan.*
- (2) *Jika mahkamah berpendapat bahawa ibu adalah hilang kelayakan hak hadānah atau penjagaan anaknya, maka hak itu hendaklah berpindah kepada orang-orang mengikut susunan keutamaan yang berikut:*

- (a) *nenek sebelah ibu hingga ke atas peringkatnya;*
- (b) *bapa;*
- (c) *nenek sebelah bapa hingga ke atas peringkatnya;*
- (d) *saudara perempuan seibu sebapa;*
- (e) *saudara perempuan seibu;*
- (f) *saudara perempuan sebapa;*
- (g) *emak saudara sebelah ibu;*
- (h) *anak perempuan bagi saudara perempuan seibu sebapa;*
- (i) *anak perempuan bagi saudara perempuan seibu;*
- (j) *anak perempuan bagi saudara perempuan sebapa;*
- (k) *anak perempuan bagi saudara lelaki;*
- (l) *emak saudara sebelah bapa;*
- (m) *waris lelaki yang menjadi 'asabah'*

Enakmen ini juga menyebutkan ibu-ibu atau pihak perempuan adalah orang yang lebih berhak di dalam *hadānah* selepas berlakunya perpisahan (samada kerana perceraian atau kematian suami). 'Ulama' sepakat di dalam hal ini kerana sifat-sifat yang terdapat pada seorang ibu seperti lemah lembut, sabar, pandai mendidik dan senantiasa mendampingi anaknya. Tetapi jika ibu itu seorang yang murtad atau terlibat dengan dosa dan kejahatan seperti berzina, mencuri, tidak bermoral seperti sering keluar rumah, berfoya-foya dan meninggalkan anak tidak terurus maka gugurlah hak *hadānah* itu daripadanya.⁽²⁸⁾

Susunan penjaga yang disebutkan di dalam seksyen 70(2) di atas adalah berdasarkan pendapat Madhhab Syafi'i.⁽²⁹⁾ Dalam hal ini Islam mengutamakan sesiapa yang mempunyai kasih sayang dan lebih rapat hubungan kekeluargaan dengan anak yang hendak dijaga dengan mendahulukan yang sekandung(seibu sebapa) dari keluarga seibu atau sebapa. Jika anak itu tidak mempunyai kerabat di antara muhrimnya yang telah disebutkan di atas, ataupun ada tetapi tidak mampu melakukan tugas-tugas

hadānah, maka berpindahlah tugas tersebut ke tangan ‘asabah yang lelaki dari muhrim-muhrimnya tadi, sama sebagaimana tertib di dalam hukum waris.

Walaupun EKIK 1983 tidak menyebut mengenai susunan penjaga bagi pihak lelaki namun perlaksanaannya berjalan mengikut ketentuan syara’ jika terdapat kes berkaitan dengannya berlaku.

Islam telah menentukan syarat-syarat tertentu untuk menjadi pengasuh atau penjaga bagi kanak-kanak. Jika salah satu daripada syarat-syarat tersebut terhapus maka hak penjagaan dan pengasuhan tidak boleh diberikan. Ini memandangkan betapa pentingnya didikan di peringkat awal hidup kanak-kanak itu. Setiap peribadi dan tingkah laku pengasuh sentiasa menjadi ikutan kanak-kanak. Oleh itu, peribadi pengasuh adalah pembentuk pekerti kanak-kanak itu kelak.

Sebagaimana yang telah ditentukan oleh hukum Islam, EKIK 1983 juga memperuntukkan syarat-syarat yang sama⁽³⁰⁾ “Hadinah; iaitu perempuan yang mempunyai hak menjaga seseorang kanak-kanak, adalah berhak menjalankan hak terhadap *hadānah* jika:-

- (a) dia adalah seorang Islam;
- (b) dia adalah sempurna akal;
- (c) dia berumur yang melayakkan dia memberi kepada kanak-kanak itu jagaan dan kasih sayang yang mungkin diperlukan oleh kanak-kanak itu;
- (d) dia berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiah;
- (e) dia tinggal di tempat di mana kanak-kanak itu tidak mungkin menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani”

Enakmen ini juga menentukan syarat-syarat bagaimana hak penjagaan kanak-kanak itu akan hilang apabila berlakunya perkara-perkara berikut:⁽³¹⁾

"Hak seorang perempuan terhadap hadānah adalah hilang:-

- a) *Jika perempuan itu berkahwin dengan seorang lelaki yang tidak ada pertalian dengan kanak-kanak itu dalam mana orang lelaki itu dilarang berkahwin dengan kanak-kanak itu, tetapi adalah kembali semula apabila perkahwinan itu dibubarkan;*
- b) *Jika perempuan itu berkelakuan buruk secara keterlaluan dan terbuka;*
- c) *Jika perempuan itu menukar permastautinannya dengan tujuan untuk mencegah bapa kanak-kanak itu dari menjalankan pengawasan yang perlu ke atas kanak-kanak itu dengan syarat bahawa seseorang perempuan yang bercerai boleh mengambil anaknya sendiri ke tempat lahir perempuan;*
- d) *Jika perempuan itu murtad;*
- e) *Jika perempuan itu mencuaikan atau menganiaya kanak-kanak itu"*

Syarat-syarat yang disebutkan di atas memang bertepatan dengan apa

yang dinyatakan oleh 'ulama' fiqh sendiri iaitu:⁽³²⁾

1. Baligh; orang yang belum baligh tidak boleh menjadi pengasuh kerana dia sendiri memerlukan orang lain untuk menguruskan dirinya.
2. Berakal waras; orang gila, kurang akal atau terencat akal tidak boleh menguruskan *hadānah* kerana dia sendiri perlukan penjagaan dari orang lain.
3. Mampu mendidik; sebab itu orang buta, rabun, pengidap sakit yang menular, penghidap kusta, sopak dan sebagainya tidak boleh menjadi pengasuh. Begitu juga orang tua yang lemah tidak boleh bekerja tidak boleh menjadi pengasuh kerana dia sendiri memerlukan khidmat orang lain.

4. Amanah dan baik akhlaknya; tiada hak *hadānah* bagi orang yang tidak amanah dan berakhlik buruk seperti minum arak, berzina atau orang yang selalu lalai dengan perkara-perkara haram.
5. Jika penjaga itu ibunya sendiri, hendaklah ibu itu belum berkahwin lagi. Jika ibu telah berkahwin lain maka hak *hadānahnya hilang*.
6. Merdeka; sebab seorang hamba biasanya sibuk dengan urusan-urusan tuannya, maka sudah pasti tidak ada waktu mengasuh anak kecil.
7. Islam; anak-anak kecil muslim tidak boleh diasuh oleh orang kafir kerana hadanah itu merupakan hak perwalian.

Syarat Islam ini ditentukan oleh Madhhab Syafi'i dan Hanbali.

Manakala Madhhab Hanafi, Maliki, Ibn Qasim dan Abu Thawr tidak mensyaratkan Islam bagi penjaga kerana bagi mereka *hadānah* tetap boleh dilakukan oleh orang kafir sekalipun kanak-kanak itu masih kecil. Bagi mereka *hadānah* itu tidak lebih dari menyusui dan melayani anak itu sahaja⁽³³⁾. Menurut Hanafi, kafir yang dimaksudkan di sini ialah bukan kafir murtad sebab orang kafir murtad mestilah dipenjarakan sehingga mati jika dia tidak mahu bertaubat dan kembali kepada Islam.

Jelasnya, Enakmen ini menggunakan pendapat Imam Syafi'i dalam menentukan syarat Islam bagi penjaga anak-anak orang Islam. Jika dikaji dari segi kemaslahatan bagi si anak maka syarat ini adalah penting kerana seorang penjaga adalah model bagi anak-anak itu.

Untuk menjamin kemaslahatan kanak-kanak itu Mahkamah juga perlu memastikan penjaga dapat memenuhi syarat-syarat berikut:⁽³⁴⁾

“(1) Sesuatu perintah jagaan boleh dibuat tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan oleh Mahkamah patut dikenakan dan, tertakluk kepada syarat-syarat, jika ada, yang dipakai dari semasa ke semasa, perintah itu adalah menghakkan orang yang diberi jagaan itu untuk memutuskan semua soal berhubungan dengan pendidikan dan pelajaran kanak-kanak itu.

(2) Tanpa menyentuh kelulusan subseksyen(1), sesuatu perintah jagaan boleh:

- (a) mengandungi syarat-syarat tentang tempat di mana kanak-kanak itu akan tinggal dan cara pelajarannya;*
- (b) mengadakan peruntukan bagi kanak-kanak itu berada bagi sementara dalam pemeliharaan dan kawalan seseorang yang lain daripada orang yang diberi jagaan itu;*
- (c) mengadakan peruntukan bagi kanak-kanak itu melawat ibu atau bapanya yang tidak diberi jagaan atau seseorang dari keluarga ibu atau bapa yang telah mati atau tidak diberi jagaan pada masa-masa dan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh mahkamah;*
- (d) memberi ibu atau bapa yang tidak diberi jagaan atau seseorang dari keluarga ibu atau bapa yang telah mati atau tidak diberi jagaan hak untuk berjumpa dengan kanak-kanak itu pada masa-masa dan dengan seberapa kerap yang difikirkan munasabah oleh mahkamah; atau*
- (e) milarang orang yang diberi jagaan itu daripada membawa kanak-kanak itu keluar dari Malaysia.”*

Peruntukan ini jelas menunjukkan betapa pentingnya kebijakan anak-anak itu dititikberatkan supaya masa depannya terjamin. Oleh itu ia memerlukan kepada persekitaran yang selamat dan pendidikan yang sempurna.

Suasana yang sihat dalam soal pengurusan penjagaan anak-anak ini sangat diambil berat kerana suasana yang penuh dengan perselisihan dan perebutan boloh mempengaruhi emosi kanak-kanak itu. Oleh itu, peruntukan ini membenarkan seseorang kanak-kanak itu tinggal dengan penjaga lain buat sementara waktu supaya suasana tegang yang wujud dari kedua ibu bapanya tidak mengganggu perkembangan psikologi dan mentalnya. Ini bukanlah bertujuan untuk memutuskan kasih sayang di antara anak dengan kedua ibu bapanya kerana peruntukan ini juga membenarkan hak lawatan di antara keduanya dilakukan dalam sesuatu tempoh yang difikirkan sesuai dan mendatangkan kebaikan bagi kedua belah pihak.

Berkaitan tempat *hadanah* pula, bagi memastikan tidak terputusnya hubungan silaturrahim di antara si anak dengan kedua ibu bapanya, anak itu tidak dibenarkan dibawa keluar dari kawasan di mana bapanya tinggal. Bagi ibu yang diceraikan, selepas habis tempoh *iddah*, ibu hanya dibenarkan mengasuh anaknya di negara tempat tinggal bekas suaminya. Ia tidak boleh berpindah ke negara lain jika itu menyusahkan bapa untuk melawat anaknya kecualilah diizinkan oleh bekas suaminya.

Seksyen 94(1), (2) dan (3) EKIK 1983 ada menyatakan bahawa:

- “(1) Mahkamah boleh, atas permohonan bapa atau ibu seseorang anak:
- (a) jika keputusan sesuatu perbicaraan hal ehwal suami isteri belum selesai; atau
 - (b) jika, di bawah sesuatu perjanjian atau di bawah perintah mahkamah, hanya ibu sahaja atau bapa sahaja ada

mempunyai jagaan atas anak itu manakala yang satu lagi itu tidak ada mempunyai jagaan, mengeluarkan suatu tegahan menahan pihak yang satu lagi itu daripada membawa anak itu keluar dari Malaysia atau Mahkamah boleh membiarkan anak itu dibawa keluar dari Malaysia sama ada tanpa syarat atau tertakluk kepada apa-apa syarat atau akujanji yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

- (2) *Mahkamah boleh, atas seseorang yang ada mempunyai kepentingan, mengeluarkan sesuatu tegahan menahan seseorang, lain daripada orang yang ada mempunyai jagaan atas kanak-kanak itu, daripada membawa seseorang kanak-kanak keluar dari Malaysia.*
- (3) *Kemungkiran mematuhi sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh dikenakan hukuman sebagai suatu penghinaan terhadap mahkamah".*

Peruntukan ini memberi kuasa kepada pihak Mahkamah samada memberi kebenaran atau tidak ke atas penjaga untuk membawa seseorang anak keluar dari Malaysia. Sebelum itu, Mahkamah mestilah membuat penyelidikan dan kajian supaya keputusan yang diambil, samada memberi keizinan atau tidak, menghasilkan kebaikan di antara kedua pihak ibu dan bapa serta anak itu sendiri. Sekiranya didapati bahawa membawa keluar anak itu boleh mendatangkan kemudarat kepada anak itu seperti berhijrah ke negara barat yang dikhawatiri terdedah kepada persekitaran yang boleh merosakkan aqidah anak itu, maka pihak mahkamah boleh menahannya.

Hal ini adalah bertujuan untuk memastikan kanak-kanak itu terselamat aqidahnya dan bukan bertujuan untuk menghalang hak ibu atau bapa tersebut. Peruntukan ini tidaklah bersalah dengan hukum Syara' jika ia benar-benar mendatangkan keadilan di antara semua pihak yang terlibat.

Menurut Madhhab Syafi'i, jika salah seorang dari kedua ibu bapa yang telah bercerai itu hendak pergi bermusafir kerana menunaikan haji atau bermiaga, si anak hendaklah ditinggalkan bersama orang yang bermukim. Tetapi jika musafir itu lama dan jauh, maka si anak perlulah mengikut ayahnya.

Menurut 'ulama' fiqh⁽³⁵⁾ bayaran penjagaan adalah tetap bagi penjaganya sekalipun anak itu dijaga oleh ibunya sendiri, ianya berbeza dari upah penyusuan. Upah penjagaan ini wajib dibayar sama ada diambil dari harta anak itu sekiranya ia mempunyai harta atau dibayar oleh bapanya. Andai bapanya miskin bayaran itu hendaklah dibuat oleh orang yang bertanggungjawab membayar nafkah ke atas anak itu mengikut kadar keperluannya.

Hak ini tidak diperuntukkan dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, sedangkan upah itu merupakan hak bekas isteri yang wajib disempurnakan oleh bekas suami apabila bekas isteri menuntutnya. Adalah wajar hak itu diperuntukkan di dalam Enakmen demi memberi perlindungan kepada wanita yang diceraikan, lebih-lebih lagi kepada wanita yang tidak ada

pendapatan atau kurang pendapatannya. Sesungguhnya sumber kewangan merupakan antara dilema yang menimpa ibu yang diceraikan, khususnya mereka yang hanya bergantung harap rezeki dari keringat suami semata-mata.

Krisis baru yang perlu dihadapi ialah mencari sesuap nasi mengisi perut dan menyara hidup anak-anaknya disamping mengurus hal ehwal rumah tangga. Kesempitan dana kewangan yang terbatas dan kesempitan waktu mendidik anak-anak merupakan konflik utama yang perlu mereka tangani. Hanya kasih ibu mengatasi segala-galanya. Oleh itu, upah yang diberi walaupun sedikit adalah bermakna bagi mereka.

Keperluan peruntukan ini dinyatakan dalam Enakmen juga dilihat kepada banyak kes-kes tuntutan nafkah anak yang diputuskan oleh mahkamah jauh tidak mencukupi untuk anak-anaknya dengan alasan mengikut kemampuan bapa. Ada juga tuntutan-tuntutan nafkah anak ini diselesaikan lambat. Terdapat juga bapa-bapa yang langsung tidak membayar nafkah anak-anaknya dan menghilangkan diri tanpa dapat dikesan terutamanya bapa-bapa yang bekerja sendiri dan tidak mempunyai pekerjaan yang tetap. Keadaan keadaan ini adalah suatu penganiayaan dan penindasan kepada wanita dan kanak-kanak dari segi mental dan emosi. Pembelaan dari segi peruntukan undang-undang tersebut dalam Enakmen akan mengurangkan atau menghilangkan bebanan yang ditanggung.

Huraian analisa perbandingan antara undang-undang keluarga Islam yang dibincangkan oleh ‘ulama’ Fiqh dan para reformis mengenai hak-hak wanita dalam masa pertunangan, perkahwinan dan perceraian di atas

menjelaskan bahawa perubahan-perubahan moden yang berlaku di dalam undang-undang keluarga Islam bukanlah terkeluar dari Islam kerana ia adalah penafsiran semula undang-undang syariah mengikut keperluan semasa. Adalah tidak benar kalau dikatakan bahawa peruntukan undang-undang keluarga Islam selama ini tidak menjaga dan melindungi hak wanita lalu memerlukan satu penggubalan undang-undang keluarga yang baru, kerana dapat dibuktikan bahawa tafsiran ‘ulama’ dahulu melalui tulisan-tulisan mereka memberi beberapa hak kepada wanita dan kanak-kanak.

Sebagai contohnya, Madhhab Hanbali membenarkan isteri membuat syarat di dalam *aqad* perkahwinannya walaupun syarat tersebut adalah untuk kepentingannya sahaja. Begitu juga di dalam Madhhab Maliki yang membenarkan isteri membuat tuntutan perceraian melalui mahkamah atas alasan *darar* atau penganiayaan, manakala di dalam Madhhab Syafi’i melalui syarat *ta’liq*. Madhhab Hanafi pula membenarkan pembayaran mahr dibuat secara tangguh apabila berlaku perceraian, di mana jika berlaku perceraian suami terpaksa membayar mahr yang banyak dan ini adalah satu cara untuk menentukan bahawa suami tidak menggunakan kuasa *talaqnya* secara sewenang-wenangnya.

Oleh yang demikian bukanlah undang-undang Syariah yang menyebabkan kedudukan wanita begitu rendah. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan kaum wanita tertekan, antara yang mustahak dan menonjol ialah latarbelakang budaya dan sosial masyarakat tersebut. Amalan dan latarbelakang budaya sesuatu masyarakat telah menyebabkan sesetengah ajaran Islam dan peruntukan-peruntukan fiqh diabaikan. Begitu juga faktor kejahilan dan buta huruf dikalangan wanita Islam yang tidak mengetahui hak-hak mereka sebagaimana yang diperuntukkan oleh agama dan undang-undang. Maka apabila berlaku perubahan kepada struktur masyarakat dan peluang wanita untuk sama-sama keluar mencari pengetahuan dan pekerjaan maka amalan-amalan dan ikutan-ikutan lama dalam soal-soal kekeluargaan mula dipertikaikan. Perubahan-perubahan yang dinyatakan di atas adalah satu bentuk tindak balas kepada perkembangan ini.

Perubahan di dalam sesuatu sistem perundangan itu adalah satu fenomena atau sunnah yang pasti berlaku. Sistem perundangan Islam tidak akan terlepas dari fenomena ini. Namun begitu teori perundangan Islam tidaklah sama dengan sistem perundangan yang lain dalam erti kata ianya adalah sesuatu sistem perundangan yang bersifat keagamaan di mana pindaan tidak dibenarkan. Untuk mengimbangkan antara dua perbezaan ini, ‘ulama’ Islam berpandangan bahawa yang kekal abadi itu adalah peruntukan-peruntukan jelas al-Qur'an(*muhkamat*) dan al-Sunnah. Adapun

peruntukan-peruntukan yang *zanni* itu sentiasa terbuka kepada tafsiran dan perbezaan.

Tafsiran dan kefahaman adalah perkara yang subjektif dan dipengaruhi oleh keadaan persekitaran. Keadaan setempat dan semasa umat Islam memberi kesan kepada perundangan Islam. Sebahagian peruntukan undang-undang syariah tafsiran ‘ulama’ dahulu tidak sesuai dengan keadaan masyarakat moden Islam masa kini. Oleh itu, perubahan-perubahan diperlukan untuk menjawab permasalahan umat Islam kini.

Sekalipun undang-undang keluarga Islam telah mengalami reformasi demi reformasi tetapi ternyata institusi keluarga tetap mengalami kepincangannya. Di mana silapnya? Pelbagai isu semasa dan juga masalah generasi kini yang semakin serius dengan bertambahnya bilangan wanita yang rosak akhlak, kadar-kadar kes perceraian yang tinggi, semakin bertambah kes penganiayaan fizikal dan seksual terhadap kanak-kanak dan wanita, masalah eksplorasi terhadap wanita, perbuatan jenayah yang dilakukan oleh mereka seperti menggugurkan kandungan, membuang dan membunuh bayi dan berbagai-bagi lagi masalah pencabulan maruah mereka, menuntut semua pihak, wanita itu sendiri, ibu bapa, masyarakat dan pemerintah untuk mencari penyelesaian menerusi kacamata Islam. Semua pihak mestilah peka dan perihatkin dengan masalah yang menimpa mereka, samada kesalahan-kesalahan ini terletak pada wanita itu sendiri ataupun mereka menjadi mangsa kekejaman

pihak lain, ini kerana “gadis yang sedang mekar hari ini, akan menjadi ibu esok hari, jika mereka terdidik atas dasar taqwa dan ilmu, mungkin wanita sempurna”.

NOTA RUJUKAN

- (1) Muhammad 'Uthman al-Khusht,(t.t) *Fatawa al-Marāh al-Muslimah*, Qahirah: Maktabah al-Quran, hal.144.
- (2) Wahbah al-Zuhayli, Dr.,(1989), *al-Fiqh al-Islami Wa adillatuh*, Damsyik; Dar al-Fikr. Jil. 7 hal.26.
- (3) *Ibid.*
- (4) Wahbah al-Zuhayli, Dr.,(1989), *al-Fiqh al-Islami Wa adillatuh*, Damsyik; Dar al-Fikr. Jil. 7 hal.447.
- (5) *Ibid*, Jil. 7 hal.484..
- (6) *Ibid.*
- (7) Hadith diriwayatkan oleh al-Tarmizi
- (8) Hadith diriwayatkan oleh al-Baihaqi
- (9) Muhammad al-Syarbyni al-Khatib(1377/1958) *Mughni al-Muhtaj Ila Ma 'arifat Maāni Alfaz al-Minhaj*, Mesir: Maktabat Mustafa al-Babi al-Halabi Wa Awladuh, Jil. 3 hal.265.
- (10) Abu Ishaq al-Syafībi,(t.t), *al-Maufaqat fi Usul al-Syari'ah*, Mesir: Dar al-Nahdah, Jil.4 hal.28-30
- (11) Al-Syawkani,(1760/1832), *Nayl al-Awtar*, Mesir: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh, Jil.6 hal.305.
- (12) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Seksyen 111(1).
- (13) *Ibid*, Seksyen 111(2).
- (14) *Ibid*, Seksyen 111(3).
- (15) *Ibid*, bahagian permulaan, hal.10.
- (16) *Ibid*, Seksyen 44.

- (17) Jurnal Hukum (1401/1980-1981), Jil.I hal.63.
- (18) Jurnal Hukum (1410/1990), Jil.VII, bhgn 1 hal.72.
- (19) *Ibid.*
- (20) *Ibid*, hal.88.
- (21) Jurnal Hukum (1401/1980-1981), Jil.I hal.63.
- (22) *Ibid*, hal.91.
- (23) Jurnal Hukum (1983), Jil.3 hal.220.
- (24) Surah al-Baqarah: ayat 236.
- (25) Sifat serta keadaan isteri, sifat ialah perwatakan isteri dari segi akhlak atau tingkah laku buruk atau baik dan keadaan ialah kedudukan keluarga atau status keluarga isteri dalam masyarakat dari sudut keberadaan atau tidak. Kaya dan miskin adalah nilai semasa dari segi perolehan dan pemilikan (Jurnal Hukum(1410/1990),Jil.VII)
- (26) Wahbah al-Zuhayli, Dr., (1989), *op.cit.*,hal.719.
- (27) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Seksyen 70(1)(2).
- (28) Ibn. Humam.(1356H), *Fath al-Qadir*, Qahirah: Dar al-Fikr al-‘Arabi, Jil.3 hal.313-318.
- (29) Wahbah al-Zuhayli, Dr., (1989), *op.cit.*,hal.722.
- (30) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Seksyen 71.
- (31) *Ibid*, Seksyen 72.
- (32) Wahbah al-Zuhayli, Dr., (1989), *op.cit.*,hal.727.
- (33) Wahbah al-Zuhayli, Dr., (1989), *op.cit.*,hal.727.
- (34) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Seksyen 76.
- (35) Wahbah al-Zuhayli, Dr., (1989), *op.cit.*,hal.736.